

PERSEPSI PESERTA TERHADAP KEBERKESANAN KURSUS MODUL BERSEPADU PASCA PERKAHWINAN ISLAM (MBPPI) DI NEGERI SELANGOR

*The Perception of Participants Towards the Effectiveness of
the Integrated Post-Marriage Islamic Course Module
(MBPPI) in Selangor State*

ⁱ*Nur Faezah Musthaphar

ⁱJabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

*(Corresponding author) e-mail: nurfazeahmusthaphar@gmail.com

ABSTRAK

Kursus Modul Bersepadu Pasca Perkahwinan Islam (MBPPI) dilaksanakan untuk memperkuatkan hubungan suami isteri. Namun kursus ini masih kurang mendapat sambutan daripada pasangan suami isteri yang telah berkahwin kurang daripada 5 tahun. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menilai persepsi peserta kursus MBPPI terhadap keberkesanan kursus berdasarkan tahap reaksi, tahap pembelajaran, tahap tingkah laku dan tahap hasil. Sampel kajian terdiri daripada 104 responden yang merupakan peserta kursus MBPPI (Fasa Bulan Madu) di bawah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Data dikumpulkan melalui set soal selidik dan dianalisis menggunakan statistik deskriptif. Hasil analisis menunjukkan bahawa pembolehubah ‘tingkah laku’ mencatatkan nilai min tertinggi iaitu

5.83, diikuti oleh pembolehubah ‘hasil’ dengan nilai min 5.79. Pembolehubah ‘reaksi’ berada di tempat ketiga dengan nilai min 5.73 manakala pembolehubah ‘pembelajaran’ mencatatkan nilai min terendah iaitu 5.51. Penemuan kajian mendapati responden memberikan persepsi yang positif terhadap kursus ini namun terdapat ruang untuk penambahbaikan dengan memberikan lebih penekanan pada tahap pembelajaran. Kajian ini dapat memberikan sumbangan positif kepada institusi keluarga, membantu JAIS dan JAKIM dalam meningkatkan pelaksanaan serta modul MBPPI agar lebih sistematik.

Kata kunci: Modul Bersepadu Pasca Perkahwinan Islam; Persepsi; Hubungan Suami Isteri

ABSTRACT

The Integrated Post-Marriage Course (MBPPI) is implemented to strengthen the relationship between spouses. However, this course still receives limited participation from couples who have been married for less than five years. Therefore, this study aims to assess the perceptions of MBPPI participants regarding the effectiveness of the course based on the levels of reaction, learning, behavior, and outcomes. The sample consists of 104 respondents who are participants of the MBPPI course (Honeymoon Phase) under the Selangor Islamic Religious Department (JAIS). Data was collected through a questionnaire and analyzed using descriptive statistics. The analysis results show that the variable ‘behavior’ recorded the highest mean value of 5.83, followed by the ‘outcomes’ variable with a mean value of 5.79. The ‘reaction’ variable ranked third with a mean value of

5.73, while the ‘learning’ variable recorded the lowest mean value of 5.51. The findings indicate that respondents have a positive perception of this course, but there is room for improvement by placing more emphasis on the learning level. This study can provide a positive contribution to family institutions and assist JAIS and JAKIM in enhancing the implementation and systematic development of the MBPPI module.

Keywords: Integrated Post-Marriage Islamic Module; Perception; Marital Relationship

PENDAHULUAN

Kursus MBPPI diperkenalkan untuk pasangan suami isteri dalam semua fasa perkahwinan iaitu Fasa Bulan Madu (lima tahun pertama perkahwinan), Fasa Sehati Sejiwa (6 hingga 10 tahun), Fasa Semarak Kasih (11 hingga 20 tahun) dan Fasa Syurga Cinta (21 tahun ke atas).¹ Inisiatif JAKIM ini bertujuan untuk mengurangkan perceraian di Selangor. Hal ini berikutan Selangor mencatatkan jumlah kes perceraian pasangan Islam tertinggi sepanjang tahun 2022 dengan 8,811 kes.² Antara punca utama yang dikenal pasti ialah kurangnya persefahaman antara pasangan, kegagalan menuaikan tanggungjawab nafkah³,

¹ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Modul Bersepadu Pasca Perkahwinan Islam: Bulan Madu*. Putrajaya: Bahagian Keluarga Sosial dan Komuniti, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, (2015), 13.

² Tuty Haryanti Ahmad Rodzi, “Selangor, Johor Catat Kes Cerai Paling Tinggi”, diakses 6 Mei, 2024, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/03/937674/selangor-johor-catat-kes-cerai-paling-tinggi>.

³ Aqilah Mior Kamarulbaid, “Abai Nafkah Isteri, Anak Punca Cerai”, diakses pada 1 Ogos, 2024, <https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2022/01/abai-nafkah-isteri-anak-punca-cerai/>.

masalah kewangan⁴, curang daripada pihak suami atau isteri⁵, masalah komunikasi⁶ dan kelemahan dalam didikan agama⁷. Situasi-situasi ini jelas menunjukkan bahawa terdapat pengabaian kepada prinsip *mu'āsharah bil ma'rūf* iaitu pergaulan baik antara suami dan isteri.

Namun, kursus MBPPI masih kurang mendapat sambutan secara menyeluruh terutamanya dalam kalangan pasangan suami isteri yang berada dalam lima tahun pertama perkahwinan.⁸ Terdapat peserta kursus yang masih ingin mendapatkan pandangan dan khidmat nasihat kerana konflik dalam rumah tangga masih berterusan seperti pasangan kekal menghadapi masalah, tidak bekerja dan tidak bertanggungjawab meskipun telah menyertai kursus MBPPI tersebut.⁹ Peserta kursus juga tidak memiliki akses kepada sokongan berterusan atau sumber yang dapat membantu mereka mengamalkan kemahiran dan pengetahuan yang diperoleh semasa program tersebut. Selain itu, waktu yang ada juga terhad untuk suami isteri menyelesaikan isu-isu yang mendasari hubungan mereka. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menilai persepsi

⁴ Bernama, “Masalah Kewangan Punca Kes Cerai Tinggi”, diakses pada 1 Ogos, 2024, <https://www.sinarharian.com.my/article/29843/berita/nasional/masalah-kewangan-punca-kes-cerai-tinggi>.

⁵ Noorazura Abdul Rahman, “Kehadiran Orang Ketiga Punca Perceraian Meningkat di Kedah”, diakses pada 1 Ogos, 2024, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1077046/kehadiran-orang-ketiga-punca-perceraian-meningkat-di-kedah>.

⁶ Latifah Arifin, “Pengurusan Komunikasi Lemah Antara Punca Cerai”, diakses pada 1 Ogos, 2024, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/864890/pengurusan-komunikasi-lemah-antara-punca-cerai>.

⁷ Rosalinda Md. Said, “Tiada tanggungjawab, Lemah Agama Punca Utama Cerai di Terengganu”, diakses pada 1 Ogos, 2024, <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/03/tiada-tanggungjawab-lemah-agama-punca-utama-cerai-di-terengganu/>.

⁸ Whilea Irma Nordin (Penolong Pengarah Bahagian Keluarga Sosial dan Komuniti (KSK), Jabatan Agama Kemajuan Islam Malaysia), dalam temubual dengan penulis, 31 Januari 2019

⁹ Norizan Othman (Fasilitator Kursus Modul Bersepadu Pasca Perkahwinan Jabatan Agama Islam Selangor), dalam temubual dengan penulis, 16 Januari 2022

peserta kursus MBPPI terhadap keberkesanan kursus dengan tahap reaksi, pembelajaran, tingkah laku dan hasil.

KAJIAN LITERATUR

Kajian Tentang Isu-Isu Perhubungan Suami Isteri

Terdapat kajian-kajian perhubungan suami isteri yang telah dilakukan oleh para sarjana. Kajian Hamid Mohamad et al. mendapatkan faktor utama yang menyebabkan pertikaian dalam kalangan pasangan muda adalah krisis kewangan, isu komunikasi dan campur tangan keluarga.¹⁰ Krisis kewangan terjadi apabila pendapatan menurun sementara komitmen terus meningkat, sehingga perbelanjaan melampaui pendapatan dan hutang semakin bertambah. Masalah komunikasi timbul akibat kelemahan dalam teknik komunikasi, seperti kegagalan mendengar dengan teliti, kecenderungan membuat penilaian dan kesimpulan tergesa-gesa, menggunakan komunikasi satu hala, kurang kejujuran serta menghindari perbincangan. Akhir sekali, pencetus utama konflik perkahwinan ialah campur tangan keluarga apabila ibu bapa mula mencampuri urusan rumah tangga anak-anak. Situasi menjadi lebih kritikal apabila ibu bapa atau ibu bapa mertua tinggal bersama malah suka mengongkong, mengkritik, menyindir, menyalahkan, memburukkan dan membanding-bandinkan semua menantu. Kesannya memberikan tekanan yang hebat sehingga membawa kepada penceraian dan masalah kesihatan mental. Isu-isu yang berlaku ini jelas menunjukkan berlaku pengabaian kepada konsep pergaulan suami isteri yang baik atau dalam Islam disebut sebagai *mu'āsharah bil ma'rūf*.

¹⁰ Hamid Mohamad Asanar et al., “Pencetus Utama Konflik Perkahwinan Sepanjang Fasa Pertama Perkahwinan Dalam Kalangan Pasangan Muda: Kajian Kes Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)”, *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 2021

Kajian tentang Keberkesanan Kursus Pasca Perkahwinan Islam

Terdapat kajian yang dilakukan mengenai keberkesanan kursus pasca perkahwinan di Malaysia. Satu kajian Rosman Md. Yusoff et al. yang meneliti keberkesanan kursus keluarga *sakīnah* di Johor telah menunjukkan bahawa kursus tersebut efektif dalam menangani isu-isu keluarga dan merupakan program yang baik untuk memperkuatkan institusi keluarga.¹¹ Namun terdapat penambahbaikan yang perlu dilakukan seperti buku panduan kursus perlu diedarkan kepada semua peserta secara percuma, kandungan modul pengurusan dan pembangunan keluarga perlu diperkuatkan, penyampaian modul perlu disesuaikan mengikut kumpulan sasaran, penjadualan program dan masa, mempergiatkan penyebaran maklumat kursus kepada masyarakat, penceramah perlu lebih kreatif menggunakan ICT dalam penyampaian dan kualiti penyampaian penceramah juga perlu dipertingkatkan.

Sharifah Nur Nusrah dan Suhaili telah membuat kajian tentang pengurusan kewangan keluarga dalam kursus pra perkahwinan dan mendapati bahawa penceramah perlu mempunyai latar belakang dalam pengurusan kewangan Islam, mengetahui teori atau konsep pengurusan kewangan dan akta perundangan yang berkaitan.¹² Di samping itu, pihak berkuasa perlu memantau isi kandungan yang disampaikan oleh penceramah kursus untuk memastikan ia tidak menyimpang dari garis panduan yang ditetapkan oleh JAKIM dan kursus berkala selepas perkahwinan perlu diadakan.

Kesimpulannya, terdapat kajian-kajian dilakukan berkaitan kursus pasca perkahwinan Islam sama ada dari segi pelaksanaan, permasalahan dan keberkesanan kursus. Walau bagaimanapun, kajian

¹¹ Rosman Md Yusoff, Kassim Thukiman dan Fadilah Ismail, “Keberkesanan Pelaksanaan Program Modul Keluarga *Sakīnah* di Negeri Johor.” Disertasi Sarjana, Universiti Teknologi Mara, 2011.

¹² Sharifah Nur Nusrah Syed Yassin dan Suhaili, “Pengurusan Kewangan Keluarga dan Kursus Pra Perkahwinan Muslim di Malaysia”. Seminar Penyelidikan Antarabangsa Pengurusan dan Inovasi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2018

tentang peserta kursus MBPPI terhadap keberkesanan kursus masih belum diketengahkan oleh pengkaji lain. Maka kajian ini mengkaji tentang persepsi peserta kursus terhadap keberkesanan kursus modul bersepdu pasca perkahwinan Islam sama ada kursus tersebut mampu memperbaiki semula hubungan suami isteri atau sebaliknya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif. Set soal selidik diedarkan kepada 104 responden yang merupakan peserta kursus MBPPI Fasa Bulan Madu (5 tahun awal perkahwinan) di Unit Runding Cara JAIS pada tahun 2016, 2017 dan 2019. Ujian statistik deskriptif dan Korelasi Spearman digunakan bagi menganalisis dapatan kajian.

Soal selidik tersebut dibangunkan berdasarkan soalan-soalan daripada kajian-kajian lepas. Namun, item-item telah disesuaikan untuk memastikan keselarasan dengan objektif dan konteks kajian ini. Penilaian persepsi terhadap kursus MBPPI mengadaptasi Model Kirkpatrick iaitu salah satu pendekatan penilaian program yang banyak digunakan. Model ini terdiri daripada empat tahap penilaian iaitu reaksi, pembelajaran, tingkah laku dan hasil. Soal selidik dibahagikan kepada lima bahagian dan menggunakan skala Likert tujuh mata iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, agak tidak setuju, tidak pasti, agak setuju, setuju dan sangat setuju.

Bahagian A merangkumi maklumat demografi responden dengan 7 item iaitu jantina, umur, tahap pendidikan tertinggi, tahap pendidikan agama, status pekerjaan, bilangan anak dari perkahwinan terkini dan pendapatan.

Bahagian B menilai tahap reaksi yang bertujuan untuk mendapatkan maklum balas mengenai reaksi peserta terhadap kursus. Pembolehubah reaksi dibahagikan kepada tiga elemen penyampaian penceramah, kandungan modul dan pengurusan kursus.

Bahagian C menilai tahap pembelajaran yang bertujuan untuk mengukur sama ada terdapat peningkatan dalam pengetahuan dan kemahiran asas selepas peserta menyertai kursus. Elemen bagi pembolehubah pembelajaran adalah pengetahuan dan kemahiran asas.

Bahagian D menilai tahap tingkah laku yang bertujuan untuk mengukur perubahan tingkah laku peserta selepas mengikuti kursus. Pembolehubah tingkah laku merangkumi elemen penyesuaian perkahwinan melalui nilai-nilai agama, cinta dan kasih sayang, hubungan intim serta pergaulan baik.

Bahagian E menilai tahap hasil yang bertujuan untuk mengukur hasil yang diperoleh responden selepas perubahan tingkah laku. Selain itu, ia juga menilai pencapaian matlamat organisasi iaitu JAKIM menerbitkan kursus modul MBPPI sama ada matlamat tersebut tercapai atau tidak. Elemen bagi pembolehubah hasil ialah pencapaian organisasi.

HASIL KAJIAN & PERBINCANGAN

Latar Belakang Responden

Responden kajian terdiri daripada 104 peserta kursus MBPPI di JAIS. Daripada aspek jantina, majoriti responden merupakan perempuan ($n=71$ orang, 68.3 %) berbanding lelaki ($n=33$ orang, 31.7%). Daripada aspek umur pula, didapati bahawa majoriti responden berumur antara 31 hingga 35 tahun iaitu seramai 46 orang (44.2%). Dari segi kelayakan akademik pula, majoriti responden memiliki kelulusan pada peringkat Ijazah Sarjana Muda iaitu seramai 51 orang (49.0%). Begitu juga dari segi kelayakan pendidikan agama, majoriti responden iaitu seramai 51 orang (49.0%) mempunyai tahap pendidikan agama di sekolah rendah agama. Dari segi pekerjaan, majoriti responden adalah kakitangan kerajaan iaitu 36 orang (34.6%). Dari segi bilangan anak pula, majoriti 47 responden (45.2%) mempunyai anak seramai 1 hingga 2 orang. Akhir sekali, dari segi pendapatan, majoriti 26 orang (25.0%) mempunyai pendapatan antara RM3001 hingga 4000.

Tahap-Tahap Keberkesanan Kursus Modul Bersepadu Pasca Perkahwinan Islam

a) Tahap Reaksi (Penyampaian Penceramah)

Jadual 1 berikut menjelaskan taburan min dan sisihan piawai untuk item bagi elemen penyampaian penceramah dalam pembolehubah reaksi. Hasil analisis mendapati kebanyakan min berada pada tahap yang tinggi. Item yang tertinggi ialah penyampaian penceramah mudah difahami dengan nilai min 6.03, diikuti dengan item penceramah menjadi faktor kejayaan kursus dengan nilai min 5.88. Min ketiga tertinggi (5.84) ialah item penceramah menggunakan komunikasi dua hala semasa menyampaikan kursus. Secara keseluruhannya, responden berpuas hati dengan penyampaian penceramah dalam kursus tersebut.

Jadual 1: Taburan Min dan Sisihan Piawai untuk Item bagi Elemen Penyampaian Penceramah dalam Pembolehubah Reaksi

No.	Item	Min	Sisihan Piawai
1	Penyampaian penceramah mudah difahami	6.03	.794
2	Penceramah menggunakan pelbagai kaedah untuk meningkatkan kefahaman peserta	5.78	1.114
3	Penceramah menjadi faktor kejayaan kursus	5.88	1.135
4	Saya berpuas hati dengan penyampaian penceramah dalam semua slot kursus	5.72	1.127
5	Penceramah menggunakan komunikasi dua hala semasa menyampaikan kursus	5.84	1.025

Sumber: Olahan Pengkaji

b) Tahap Reaksi (Kandungan Modul)

Jadual 2 menunjukkan taburan min dan sisihan piawai untuk item bagi elemen kandungan modul dalam pembolehubah reaksi. Hasil analisis mendapati bahawa semua min bagi setiap item adalah tinggi. Min yang paling tinggi (5.90) adalah item pengurusan psikologi dalam keluarga

boleh dijadikan panduan untuk diamalkan dalam rumah tangga. Diikuti pula dengan item pengurusan stress melalui ibadah membantu saya menghadapi masalah keluarga dengan nilai min 5.81. Secara keseluruhannya, tahap reaksi responden pada kandungan modul adalah positif.

Jadual 2: Taburan Min dan Sisihan Piawai untuk Item bagi Elemen Kandungan Modul dalam Pembolehubah Reaksi

No.	Item	Min	Sisihan Piawai
1	Objektif modul adalah jelas	5.74	.985
2	Pengurusan kesihatan keluarga yang disampaikan oleh penceramah bersesuaian dengan tahap umur saya	5.74	1.033
3	Pengurusan kewangan keluarga membantu saya menguruskan kewangan dengan baik	5.49	1.277
4	Pengurusan psikologi dalam keluarga boleh dijadikan panduan untuk diamalkan dalam rumah tangga	5.90	1.019
5	Pengurusan stress melalui ibadah membantu saya menghadapi masalah keluarga	5.81	1.141

Sumber: Olahan Pengkaji

c) Tahap Reaksi (Pengurusan Kursus)

Jadual 3 menunjukkan taburan min dan sisihan piawai untuk item bagi elemen pengurusan kursus dalam pembolehubah reaksi. Hasil analisis mendapati bahawa nilai min tertinggi ialah item makanan minuman yang disediakan mencukupi iaitu 6.03. Diikuti dengan semua item yang lain berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden berpuas hati dengan pengurusan kursus.

Jadual 3: Taburan Min dan Sisihan Piawai untuk Item bagi Elemen Pengurusan Kursus dalam Pembolehubah Reaksi

No.	Item	Min	Sisihan Piawai
1	Masa yang diperuntukkan untuk setiap slot adalah sesuai	5.48	1.300
2	Kursus dijalankan mengikut jadual yang ditetapkan	5.88	.832
3	Penginapan kursus yang disediakan adalah selesa	5.88	1.212
4	Makanan minuman yang disediakan mencukupi	6.03	1.186

Sumber: Olahan Pengkaji

d) Tahap Pembelajaran (Pengetahuan dan Kemahiran Asas)

Jadual 4 menunjukkan taburan min dan sisihan piawai untuk item bagi elemen pengetahuan dan kemahiran asas dalam pembolehubah pembelajaran. Hasil analisis mendapat bahawa nilai min yang tertinggi ialah item saya mendapat ilmu baru daripada kursus iaitu 5.87. Diikuti dengan semua item yang lain menunjukkan nilai min berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden menerima dan mempelajari ilmu baru daripada kursus.

Jadual 4: Taburan Min dan Sisihan Piawai untuk Item bagi Elemen Pengetahuan & Kemahiran Asas dalam Pembolehubah Pembelajaran

No .	Item	Min	Sisihan Piawai
1	Saya mendapat ilmu baru daripada kursus	5.87	1.141
2	Saya menjalani kehidupan berumah tangga berdasarkan ilmu yang diperolehi semasa kursus	5.49	1.262
3	Saya seronok mengamalkan ilmu yang diperolehi dari kursus	5.70	1.206
4	Ilmu yang dipelajari memberi semangat baru kepada saya untuk menjadi lebih baik dalam keluarga	5.82	1.095

Sumber: Olahan Pengkaji

e) Tahap Tingkah Laku (Penyesuaian Perkahwinan melalui Nilai-Nilai Agama)

Jadual 5 menunjukkan taburan min dan sisihan piawai untuk item bagi elemen penyesuaian perkahwinan melalui nilai-nilai agama dalam pembolehubah tingkah laku. Hasil analisis mendapati bahawa kebanyakkan item menunjukkan nilai min yang berada pada tahap sangat tinggi. Item yang mempunyai nilai min tertinggi (6.57) ialah saya bersyukur kepada Allah SWT kerana mengurniakan pasangan hidup kepada saya, diikuti item saya mengetahui tanggungjawab saya sebagai seorang suami dan isteri berdasarkan perintah agama dengan nilai min 6.48. Nilai min ketiga tertinggi (6.43) ialah pada item saya menjadikan Rasulullah SAW sebagai contoh ikutan dalam kehidupan berumah tangga. Ini menunjukkan bahawa responden melakukan perubahan dalam penyesuaian diri dalam perkahwinan melalui nilai-nilai agama selepas menyertai kursus tersebut.

Jadual 5: Taburan Min dan Sisihan Piawai untuk Item bagi Elemen Penyesuaian Perkahwinan melalui Nilai-Nilai Agama dalam Pembolehubah Tingkah Laku

No .	Item	Mi n	Sisihan Piawai
1	Saya bersyukur kepada Allah SWT kerana mengurniakan pasangan hidup kepada saya	6.5 7	.911
2	Untuk diisi oleh suami sahaja: Saya mengetahui tanggungjawab saya sebagai seorang suami berdasarkan perintah agama Untuk diisi oleh isteri sahaja: Saya mengetahui tanggungjawab saya sebagai seorang isteri berdasarkan perintah agama	6.4 8	.881
3	Saya mengamalkan ajaran agama secara berterusan dalam kehidupan sehari-hari	6.4 1	.796
4	Saya menjadikan Rasulullah SAW sebagai contoh ikutan dalam kehidupan berumah tangga	6.4 3	.801
5	Saya mengamalkan solat fardhu secara berjemaah bersama keluarga	6.1 2	1.168

Sumber: Olahan Pengkaji

Salah satu indikator hubungan suami isteri yang baik dalam surah ar-Rūm ayat 21 adalah masing-masing mampu merasai ketenangan (*sakīnah*). Ketenangan merupakan kurniaan Allah SWT dan hanya diberikan kepada mereka yang beriman sahaja. Hal ini dijelaskan dalam surah At-Taubah ayat 26 “Kemudian Allah menurunkan semangat tenang tenteram kepada RasulNya dan kepada orang-orang yang beriman”. Maka dapat difahami bahawa ketenangan dapat dicapai dengan lebih mudah apabila suami isteri melakukan penyesuaian perkahwinan melalui nilai-nilai agama seterusnya menjadi pamacu untuk menangani masalah dengan positif meskipun pelbagai cabaran wujud. Hasil dapatan jelas menunjukkan bahawa majoriti responden telah melakukan perubahan dalam penyesuaian perkahwinan melalui nilai-nilai agama selepas menyertai kursus tersebut.

f) Tahap Tingkah Laku (Cinta dan Kasih Sayang)

Jadual 6 menunjukkan taburan min dan sisihan piawai untuk item bagi elemen cinta dan kasih sayang dalam pembolehubah tingkah laku. Hasil analisis mendapati bahawa nilai min bagi semua item adalah berada pada tahap yang sangat tinggi. Ini menunjukkan bahawa responden boleh mempraktikkan cinta dan kasih sayang kepada pasangan selepas menyertai kursus terebut.

Jadual 6: Taburan Min dan Sisihan Piawai untuk Item bagi Elemen Cinta dan Kasih Sayang dalam Pembolehubah Tingkah Laku

No.	Item	Min	Sisihan Piawai
1	Pernikahan saya didasari oleh perasaan cinta	6.03	1.194
2	Saya merasa tenang ketika di sisi pasangan	6.24	1.102
3	Saya menunjukkan perasaan sayang saya kepada pasangan	6.33	.918
4	Pasangan saya memiliki fizikal yang menarik	6.09	1.239
5	Saya merasa kasihan sekiranya sesuatu yang buruk menimpa pasangan	6.58	.759

Sumber: Olahan Pengkaji

g) Tahap Tingkah Laku (Hubungan Intim)

Jadual 7 menunjukkan taburan min dan sisihan piawai untuk item bagi elemen hubungan intim dalam pembolehubah tingkah laku. Hasil analisis mendapati bahawa min tertinggi adalah pada item saya menjaga perlakuan seks supaya tidak melanggar batasan agama dengan nilai 6.51. Seterusnya diikuti dengan item saya melakukan hubungan intim dengan pasangan mengikut persetujuan bersama dengan nilai min 6.32. Nilai min ketiga tertinggi (6.24) ialah item saya merasa tenang selepas melakukan hubungan intim dengan pasangan. Secara keseluruhannya, responden melakukan perubahan positif dalam hubungan intim selepas menyertai kursus tersebut.

Jadual 7: Taburan Min dan Sisihan Piawai untuk Item bagi Elemen Hubungan Intim dalam Pembolehubah Tingkah Laku

No.	Item	Min	Sisihan Piawai
1	Saya melakukan hubungan intim dengan pasangan mengikut persetujuan bersama	6.32	.988
2	Saya merasa tenang selepas melakukan hubungan intim dengan pasangan	6.24	.950
3	Saya suka mengelakkan diri daripada berhubungan intim dengan pasangan	2.48	1.689
4	Saya suka memendam masalah seksual saya supaya tidak diketahui pasangan	2.50	1.689
5	Saya mengutamakan kepuasan seks diri sendiri berbanding pasangan	2.22	1.441
6	Saya berpuas hati dengan layanan seks yang diberikan oleh pasangan	5.78	1.322
7	Saya berusaha memenuhi keperluan seks pasangan saya	6.12	.928
8	Saya menjaga perlakuan seks supaya tidak melanggar batasan agama	6.51	.800

Sumber: Olahan Pengkaji

h) Tahap Tingkah Laku (Pergaulan Baik)

i. Komunikasi yang baik

Jadual 8(a) menunjukkan bahawa taburan min dan sisihan piawai untuk item bagi elemen pergaulan baik dalam pembolehubah tingkah laku. Hasil analisis mendapati nilai min yang tertinggi ialah pada item saya memanggil pasangan dengan panggilan yang disukainya dan item saya suka memberi ucapan terima kasih apabila pasangan selesai melakukan sesuatu kerja dalam rumah tangga dengan kedua-duanya menunjukkan nilai min 6.33. Seterusnya diikuti dengan item saya menasihati pasangan apabila pasangan melakukan kesalahan dengan nilai min 6.13. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden mengamalkan komunikasi yang baik dalam hubungan.

Jadual 8 (a): Taburan Min dan Sisihan Piawai untuk Item bagi Elemen Pergaulan Baik (Komunikasi Yang Baik) dalam Pembolehubah Tingkah Laku

No.	Items	M	SD	Tahap
1	Saya memanggil pasangan dengan panggilan yang disukainya.	6.33	.970	Sangat Tinggi
2	Saya berkata lembut dengan pasangan.	5.75	1.197	Tinggi
3	Saya suka memendam perasaan walaupun saya tidak berpuas hati dengan pasangan.	3.60	2.003	Sederhana
4	Saya mudah menyalahkan pasangan apabila berdepan dengan masalah rumah tangga.	3.03	1.782	Agak Rendah
5	Saya suka berterus terang apabila tidak berpuas hati dengan pasangan.	5.83	1.153	Tinggi
6	Saya menasihati pasangan apabila pasangan melakukan kesalahan.	6.13	.813	Sangat Tinggi
7	Saya suka memberi ucapan terima kasih apabila pasangan selesai melakukan sesuatu kerja dalam rumah tangga	6.33	.980	Sangat Tinggi

NOTA: M=Min, SD= Sisihan Piawai.

ii. Bergaul bersesuaian dengan syarak dan adat yang baik

Jadual 8 (b) menunjukkan bahawa taburan min dan sisihan piawai untuk item bagi elemen pergaulan baik dalam pembolehubah tingkah laku. Hasil analisis mendapati bahawa nilai min yang tertinggi iaitu 6.40 ialah pada item saya boleh bergurau dengan pasangan, diikuti item saya suka meluangkan masa bersama pasangan dengan nilai min 6.31. Min ketiga yang tertinggi (6.29) ialah saya menjadikan pasangan sebagai sahabat baik saya. Ini menunjukkan majoriti responden bergaul baik dengan pasangan bersesuaian dengan syarak dan adat yang baik.

Jadual 8 (b): Taburan Min dan Sisihan Piawai untuk Item bagi Elemen Pergaulan Baik (Bergaul Bersesuaian Dengan Syarak Dan Adat Yang Baik) dalam Pembolehubah Tingkah Laku

No.	Items	M	SD	Tahap
1	Saya menjadikan pasangan sebagai sahabat baik saya.	6.29	1.011	Sangat Tinggi
2	Saya berlapang dada menerima tingkah laku pasangan yang tidak saya sukai	5.69	1.308	Tinggi
3	Saya memberikan ruang kepada pasangan untuk berbincang tentang sesuatu perkara	6.25	.867	Sangat Tinggi
4	Saya berkongsi masalah saya dengan pasangan	6.10	.981	Sangat Tinggi
5	Saya percaya kepada pasangan	6.21	1.076	Sangat Tinggi
6	Saya membuat keputusan rumah tangga berdasarkan hasil perbincangan bersama pasangan	6.13	1.034	Sangat Tinggi
7	Saya suka meluangkan masa bersama pasangan	6.31	.904	Sangat Tinggi
8	Saya memberikan sokongan moral kepada pasangan apabila berdepan dengan masalah	6.13	1.071	Sangat Tinggi
9	Saya sabar melayani kerendah pasangan	5.97	1.083	Tinggi
10	Saya memaafkan pasangan apabila pasangan melakukan kesalahan	6.08	.952	Sangat Tinggi
11	Saya boleh bersabar ketika pasangan sedang marah	5.58	1.252	Tinggi
12	Saya membahagikan tugas rumah tangga bersama pasangan	5.86	1.280	Tinggi

13	Saya boleh bergurau dengan pasangan	6.40	.842	Sangat Tinggi
14	Saya menjaga penampilan diri ketika pasangan di sisi saya.	5.85	1.086	Tinggi
15	Saya memberi hadiah kepada pasangan ketika ulang tahun kelahirannya	6.01	1.019	Tinggi
16	Saya akan memastikan badan dalam keadaan bersih apabila pasangan ada bersama saya.	6.03	.980	Sangat Tinggi

NOTA: M=Min, SD= Sisihan Piawai.

iii. Pelaksanaan kewajipan

Jadual 8(c) menunjukkan bahawa taburan min dan sisihan piawai untuk item bagi sub elemen pelaksanaan kewajipan dalam elemen pergaulan baik. Hasil analisis mendapati nilai min yang tertinggi iaitu 6.34 pada item saya menjaga maruah pasangan, diikuti dengan nilai min 6.25 iaitu saya berasa cukup terhadap nafkah perbelanjaan yang diberikan oleh pasangan. Seterusnya min ketiga tertinggi (6.20) ialah saya memberikan keperluan asas rumah tangga mengikut kemampuan dan saya mendapat keperluan asas yang mencukupi daripada pasangan.

Jadual 8 (c): Taburan Min dan Sisihan Piawai untuk Item bagi Elemen Pergaulan Baik (Pelaksanaan Kewajipan) dalam Pembolehubah Tingkah Laku

No.	Items	M	SD	Tahap
1	Saya merancang perbelanjaan keluarga bersama pasangan	5.78	1.206	Tinggi
2	Pasangan saya berbelanja dengan tidak berhemah	3.01	1.814	Agak Rendah
3	Saya menjaga maruah pasangan	6.34	.843	Sangat Tinggi
4	Untuk diisi oleh suami sahaja: Saya menyediakan tempat tinggal yang selesa kepada isteri Untuk diisi oleh isteri sahaja:	6.10	1.266	Sangat Tinggi

	Saya mempunyai tempat tinggal yang selesa bersama pasangan			
5	Saya memiliki simpanan kewangan untuk masa depan keluarga saya	5.52	1.365	Tinggi
6	Untuk diisi oleh suami sahaja: Saya membayai ahli keluarga setiap bulan mengikut ajaran Islam	6.12	1.126	Sangat Tinggi
7	Untuk diisi oleh suami sahaja: Saya memberikan keperluan asas rumah tangga mengikut kemampuan saya Untuk diisi oleh isteri sahaja: Saya mendapat keperluan asas yang mencukupi daripada pasangan	6.20	.928	Sangat Tinggi
8	Untuk diisi oleh isteri sahaja: Pasangan menyedari keperluan saya dalam rumah tangga	6.00	1.262	Tinggi
9	Untuk diisi oleh isteri sahaja: Saya berasa cukup terhadap nafkah perbelanjaan yang diberikan oleh pasangan	6.25	1.205	Sangat Tinggi
10	Untuk diisi oleh isteri sahaja: Saya tidak berkira untuk berbelanja kepada keluarga sekiranya saya mempunyai wang	5.97	1.127	Tinggi

NOTA: M=Min, SD= Sisihan Piawai.

i) Tahap Hasil (Pencapaian Organisasi)

Jadual 9 menunjukkan taburan min dan sisihan piawai untuk item bagi elemen pencapaian organisasi dalam pembolehubah hasil. Hasil analisis mendapati bahawa min tertinggi ialah pada item kursus ini memberikan motivasi untuk mewujudkan sebuah keluarga bahagia dengan nilai 6.25. Seterusnya diikuti oleh item kursus ini memberi kesedaran tentang tanggungjawab suami isteri yang sebenar dengan min 6.00. Manakala item ketiga tertinggi ialah kursus ini memberi pendedahan tentang kemahiran suami isteri dalam menguruskan kehidupan berkeluarga dengan nilai min 5.97. Ini menunjukkan bahawa kebanyakkhan responden memperoleh kesan yang positif selepas mengaplikasikan ilmu daripada kursus ke dalam rumah tangga.

Jadual 9: Taburan Min dan Sisihan Piawai untuk Item bagi Elemen Pencapaian Organisasi dalam Pembolehubah Hasil

No .	Items	M	SD	Tahap
1	Kursus ini memberi kesedaran tentang tanggungjawab suami isteri yang sebenar	6.00	1.262	Tinggi
2	Kursus ini memberi motivasi untuk mewujudkan sebuah keluarga bahagia	6.25	1.205	Sangat Tinggi
3	Kursus ini memberi pendedahan tentang kemahiran suami isteri dalam menguruskan kehidupan berkeluarga	5.97	1.127	Tinggi
4	Kursus ini bermanfaat untuk kami lebih mengharmonikan lagi hubungan suami isteri	5.95	1.074	Tinggi

NOTA: M=Min, SD= Sisihan Piawai

Analisis Menyeluruh bagi Setiap Elemen dalam Setiap Tahap

a) Tahap Reaksi

Jadual 10 menunjukkan elemen-elemen bagi pembolehubah reaksi yang mempunyai nilai purata skor yang tinggi. Hasil analisis mendapatkan bahawa nilai purata skor tertinggi ialah pengurusan kursus dengan ($M = 5.57$, $SD = 1.059$), diikuti dengan penyampaian penceramah ($M = 5.54$, $SD = .965$) dan kandungan modul ($M = 5.49$, $SD = 1.014$). Ini menunjukkan bahawa responden paling berpuas hati tentang pengurusan kursus berbanding penyampaian penceramah dan kandungan modul. Hal ini dibuktikan dengan item B14 iaitu makanan dan minuman yang disediakan mencukupi dengan nilai min (6.03) yang sangat tinggi. Seterusnya diikuti oleh elemen penyampaian penceramah yang menduduki tempat kedua. Responden menunjukkan reaksi yang positif terhadap penyampaian penceramah dalam kursus. Ini disokong oleh item B1 yang menunjukkan min yang sangat tinggi (6.03) bahawa penyampaian penceramah mudah difahami. Ini memberikan gambaran bahawa responden berpuas hati dengan penyampaian penceramah.

Mohd Faizal Mohd Isa et al. menyatakan bahawa penyampaian penceramah adalah faktor penting dalam keberkesanannya kursus.¹³ Modul yang disediakan biasanya bersifat teknikal dan memerlukan penceramah yang pakar dalam bidang tertentu untuk menyampaikannya dengan cara yang menarik. Kepakaran dan pengalaman penceramah adalah penting untuk memastikan ilmu yang disampaikan berkualiti. Penceramah juga perlu menggunakan pelbagai kaedah penyampaian dan bahan untuk mengelakkan peserta bosan kerana banyak isi kandungan modul terdiri daripada teori yang sukar difahami dan memerlukan daya imaginasi tinggi.

Seterusnya elemen kandungan modul berada di kedudukan ketiga berbanding elemen-elemen lain. Ini menunjukkan terdapat potensi untuk penambahbaikan kandungan modul MBPPI. Meskipun begitu, setiap item masih menunjukkan nilai min berada pada tahap yang tinggi. Maka kandungan modul masih bersesuaian dan relevan dengan kursus yang dihadiri.

Jadual 10: Jumlah Taburan Min dan Sisihan Piawai untuk Elemen-Elemen dalam Pembolehubah Reaksi

No.	Elemen	M	SD	Tahap
1	Penyampaian Penceramah	5.54	.965	Tinggi
2	Kandungan Modul	5.49	1.014	Tinggi
3	Pengurusan Kursus	5.57	1.059	Tinggi
	Jumlah	5.73	.884	Tinggi

NOTA: M=Min, SD=Sisihan Piawai

b) Tahap Pembelajaran

Berdasarkan jadual 11 tersebut, hasil analisis mendapati bahawa elemen pengetahuan dan kemahiran asas mempunyai nilai purata skor yang

¹³ Mohd Faizal Mohd Isa et al., “Faktor Jurulatih Mempengaruhi Keberkesanannya Latihan: Satu Kajian Empirikal di Jabatan Meteorologi Malaysia”, Makalah Conference on Business Management Research 2013, EDC, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 2013

tinggi dengan ($M = 5.51$, $SD = 1.123$). Ini menunjukkan bahawa suami isteri memperoleh ilmu pengetahuan dan kemahiran yang baru daripada kursus tersebut.

Jadual 11: Taburan Min dan Sisihan Piawai untuk Elemen dalam Pembolehubah Pembelajaran

No.	Elemen	M	SD	Tahap
1	Pengetahuan Dan Kemahiran Asas	5.51	1.123	Tinggi
	Jumlah	5.51	1.123	Tinggi

NOTA: M=Min, SD=Sisihan Piawai

c) Tahap Tingkah Laku

Berdasarkan jadual 12, hasil analisis mendapati bahawa penyesuaian perkahwinan melalui nilai-nilai agama merupakan elemen yang mempunyai nilai purata skor yang paling tinggi berbanding elemen-elemen lain dengan ($M = 6.16$, $SD = .893$). Ini membuktikan bahawa suami isteri banyak melakukan penyesuaian diri dalam perkahwinan melalui pendekatan agama.

Manakala elemen bagi cinta dan kasih sayang berada pada kedudukan kedua dengan nilai purata skor yang tinggi ($M = 6.02$, $SD = 1.033$). Ini menunjukkan bahawa mereka mampu mempraktikkan cinta dan kasih sayang. Ini dibuktikan lagi dengan semua items menunjukkan min yang sangat tinggi. Pernyataan ini sejalan dengan kajian Mohd Faizal Mohd Isa et al. yang menyatakan bahawa keberkesanan kursus diukur berdasarkan kemampuan peserta untuk mengamalkan ilmu yang dipelajari, mengaplikasikannya secara aktif, belajar secara berulang dan mempunyai tempoh masa yang lama untuk mempraktikkan pengetahuan yang diperoleh.¹⁴

¹⁴ Mohd Faizal Mohd Isa et al., “Faktor Jurulatih Mempengaruhi Keberkesanan Latihan: Satu Kajian Empirikal di Jabatan Meteorologi Malaysia”, Makalah Conference on Business Management Research 2013, EDC, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 2013

Elemen pergaulan baik pula menduduki kedudukan ketiga dengan nilai purata skor yang tinggi iaitu ($M = 5.31$, $SD = .801$). Ini menunjukkan bahawa peserta mampu melakukan pergaulan yang baik kepada pasangan setelah menyertai kursus tersebut. Manakala pada kedudukan yang terakhir iaitu elemen hubungan intim mempunyai nilai purata skor yang sederhana dengan ($M = 4.28$, $SD = .717$). Ini menunjukkan bahawa responden melakukan perubahan yang sederhana dalam hubungan intim.

Mohd Faizal Mohd Isa et al. menjelaskan bahawa terdapat tiga faktor yang dapat menyokong atau menghalang penambahan pengetahuan. Faktor pertama adalah reka bentuk kursus yang merangkumi jangka masa dan objektif kursus serta penekanan pada aspek praktikal atau teori dan kepakaran tenaga pengajar.¹⁵ Selain itu, faktor individu atau peserta kursus juga mempengaruhi peningkatan pengetahuan termasuk motivasi peserta, kemampuan memahami ilmu yang diajar, perhatian yang diberikan semasa sesi kursus dan relevansi isi kandungan modul dengan bidang tugas mereka.

Maka ia adalah selari dengan hasil dapatan kajian yang menunjukkan bahawa majoriti responden melakukan perubahan tingkah laku dalam hubungan suami isteri. Ini juga menunjukkan bahawa responden berupaya memahami ilmu yang diajar dalam kursus dan bermotivasi serta bersemangat untuk melakukan perubahan positif dalam sikap. Secara tidak langsung, mereka telah mengamalkan elemen-elemen *mu ‘asharah bil ma ‘rūf*. Jadual 12 berikut menunjukkan taburan min dan sisihan piawai untuk elemen-elemen dalam pembolehubah tingkah laku:

¹⁵ Ibid.

Jadual 12: Taburan Min dan Sisihan Piawai untuk Elemen-Elemen dalam Pembolehubah Tingkah Laku

No.	Elemen	M	SD	Tahap
1	Penyesuaian perkahwinan melalui nilai-nilai agama	6.16	.893	Sangat tinggi
2	Cinta & Kasih Sayang	6.02	1.033	Tinggi
3	Hubungan Intim	4.28	.717	Sederhana
4	Pergaulan Baik	5.31	.801	Tinggi
	Jumlah	5.83	.703	Tinggi

NOTA: M=Min, SD=Sisihan Piawai

d) Tahap Hasil

Berdasarkan jadual 13 berikut, hasil analisis mendapati bahawa pencapaian organisasi merupakan elemen bagi pembolehubah hasil yang mempunyai nilai skor purata yang tinggi ($M=5.79$, $SD=1.138$). Ini menunjukkan bahawa kursus tersebut memberi kesan positif selepas responden menyertainya. Ini disokong oleh item soal selidik pada tahap hasil yang menunjukkan min (6.25) sangat tinggi iaitu kursus ini berjaya memberi motivasi kepada suami isteri untuk mewujudkan sebuah keluarga bahagia. Kebanyakan sarjana mempunyai pandangan bahawa salah satu aspek untuk mengukur keberkesanan program, dengan melihat sejauh mana objektif program tercapai.¹⁶ Justeru matlamat JAKIM menubuhkan kursus ini untuk membantu suami isteri mengurangkan konflik adalah tercapai.

Jadual 13: Jumlah Taburan Min dan Sisihan Piawai untuk Elemen dalam Pembolehubah Hasil

No.	Elemen	M	SD	Tahap
1	Pencapaian Organisasi	5.79	1.138	Tinggi
	Jumlah	5.79	1.138	Tinggi

Nota: M=Min, SD=Sisihan Piawai

¹⁶ Mohd Faizal Mohd Isa et al., “Faktor Jurulatih Mempengaruhi Keberkesanan Latihan”, 2013

Kedudukan Antara Tahap-Tahap Keberkesanan Kursus Modul Bersepadu Pasca Perkahwinan Islam

Berdasarkan jadual 14, hasil analisis mendapati bahawa keberkesanan kursus pada tahap tingkah laku berada pada kedudukan tertinggi dengan nilai min 5.83. Ini dikuti oleh tahap hasil di tempat kedua dengan nilai min 5.79. Di tangga ketiga pula adalah tahap reaksi (min 5.73). Dengan nilai min 5.51, tahap pembelajaran berada di tempat terakhir. Ini menunjukkan bahawa responden melakukan perubahan positif dalam tingkah laku selepas menyertai kursus tersebut. Namun, penambahbaikan perlu dilakukan dalam tahap pembelajaran iaitu kandungan modul MBPPI. Jadual 14 berikut merupakan kedudukan antara tahap-tahap keberkesanan kursus:

Jadual 14: Kedudukan Tahap-Tahap Keberkesanan Kursus

Pembolehubah	Min	Sisihan Piawai	Kedudukan
Tahap Tingkah Laku	5.83	.703	1
Tahap Hasil	5.79	1.138	2
Tahap Reaksi	5.73	.884	3
Tahap Pembelajaran	5.51	1.123	4

Hubungan Antara Tahap-Tahap Keberkesanan Kursus MBPPI

Ujian korelasi Spearman dilakukan bagi mengukur hubungan atau menilai kekuatan dan arah hubungan antara pembolehubah bagi data ordinal. Berdasarkan jadual 15, hasil analisis ujian korelasi Spearman mendapati bahawa semua tahap memiliki hubungan yang positif. Ini menunjukkan bahawa setiap tahap saling berhubung kait dan memberikan kesan antara satu sama lain. Hubungan yang paling kuat adalah antara tahap reaksi dan tahap pembelajaran (nilai pekali korelasi $r=.755$ dengan nilai $p=.000$ ($p<.01$) iaitu terdapat hubungan yang kuat dan positif. Ini menunjukkan bahawa responden memberi reaksi yang positif terhadap kursus dan cenderung untuk mencapai tahap

pembelajaran yang lebih tinggi. Responden berpuas hati dengan kursus, memperoleh dan memahami ilmu yang disampaikan daripada kursus tersebut.

Manakala hubungan yang lemah ialah hubungan antara tahap pembelajaran dan tahap tingkah laku dengan nilai pekali korelasi $r=.395$, $p=.000$ iaitu terdapat hubungan yang sederhana dan positif. Ini menunjukkan bahawa meskipun responden memhami pembelajaran semasa kursus, tidak semua responden mengamalkan apa yang dipelajari daripada kursus ke dalam rumah tangga. Jadual 15 berikut menunjukkan hubungan antara tahap-tahap keberkesanan kursus MBPPI:

Jadual 15: Hubungan antara Tahap-Tahap Keberkesanan Kursus MBPPI

			TR	TP	TTL	TH
Spearman's rho	TR	Correlation Coefficient	1.000	.755**	.507**	.544**
		Sig. (2-tailed)	.	.000	.000	.000
		N	104	104	104	104
	TP	Correlation Coefficient	.755**	1.000	.395**	.515**
		Sig. (2-tailed)	.000	.	.000	.000
		N	104	104	104	104
	TT L	Correlation Coefficient	.507**	.395**	1.000	.495**
		Sig. (2-tailed)	.000	.000	.	.000
		N	104	104	104	104
	TH	Correlation Coefficient	.544**	.515**	.495**	1.000
		Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000	.
		N	104	104	104	104

TR=Tahap Reaksi, TP=Tahap Pembelajaran, TTL=Tahap Tingkah Laku,

TH=Tahap Hasil

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan persepsi peserta MBPPI positif terhadap keberkesanan kursus ini. Tahap tingkah laku adalah pembolehubah yang mendapat kedudukan tertinggi, menunjukkan bahawa kursus ini membawa perubahan positif dalam tingkah laku atau sikap suami isteri. Walau bagaimanapun, tahap

pembelajaran menunjukkan keperluan penambahbaikan modul MBPPI dengan memberikan penekanan yang lebih kepada elemen-elemen pergaulan baik (*mu'ūsharah bil ma'rūf*). Seterusnya dicadangkan penyertaan adalah terbuka kepada suami isteri tetapi diwajibkan kepada peserta kursus yang dirujuk di bawah Unit Runding Cara bagi setiap negeri. Selain itu, pihak JAKIM dan JAIN perlu bekerjasama mempergiatkan penyebaran maklumat berkaitan kursus ini kepada masyarakat agar mereka berpeluang untuk mendapatkan ilmu mengenai pengurusan konflik suami isteri secara lebih sistematik.

Kajian ini membuktikan bahawa instrumen yang dibangunkan adalah sah dan boleh dipercayai untuk mengukur persepsi peserta terhadap keberkesanan kursus MBPPI. Dapatkan menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi serta reaksi positif peserta terhadap kursus ini. Selain memberi sumbangan kepada bidang akademik, kajian ini turut memberikan manfaat praktikal kepada pihak berautoriti seperti JAIS dan JAKIM dalam memperkuuh dan memperkemas pelaksanaan kursus MBPPI. Penekanan terhadap tahap pembelajaran dan tingkah laku boleh dijadikan asas dalam penyusunan semula kandungan kursus agar lebih selaras dengan keperluan semasa pasangan berkahwin. Justeru, penyelidikan lanjut wajar diteruskan bagi menilai keberkesanan penambahbaikan modul secara lebih menyeluruh, serta menilai impaknya terhadap kestabilan rumah tangga dalam jangka masa panjang.

RUJUKAN

Buku

- Abū ‘Abdullah Muḥammad Fakhr al-Dīn al-Rāzī. *Al-Tafsīr al-Kabīr* Beirūt: Dār Ihyā’ al-Turath al-‘Arabī, 1420.
- Sa’id ‘Abd al-‘Azīm. *Wa ‘Ashirūhunna Bil Ma’rūf*. Iskandariyah: Dār al-Imān, 2002.
- Siddiq Hassan Khan. *Fath al-Bayān fi Maqāsid al-Qur’ān*. Kuwait: Dār al-Fikr al-‘Arabī, 1990.

Uma Sekaran, *Research Methods For Business: A Skill-Building Approach*. United States of America: John Wiley & Sons, Inc, 2003.

Jurnal

Azizah Mohd Rapini et al. “Keperluan Pembinaan Modul Kursus Pembangunan Keluarga Islam Mesra Oku Pendengaran”. *Jurnal Pengajian Islam* 15, no. 2 (2022): 213-224.

Hamid Mohamad Asamar et al., “Pencetus Utama Konflik Perkahwinan Sepanjang Fasa Pertama Perkahwinan Dalam Kalangan Pasangan Muda: Kajian Kes Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)”. *International Jurnal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled* (2021)

John R. Baker. “The Effects of Text Length on the Readability of Model Essays”. *GEMA Online Journal of Language Studies* 23, no. 1 (2023): 60-73.

K.Mohan Kathan & Roslinda Rosli. “The Effectiveness of SM Aeromech For Enhancing Student’s Achievement in Mathematics”. *GJAT Special Issue* (2019): 123-132.

Zainiah Mohamed Isa, Juppri Bacotang & Mazlina Che Mustafa. “Kesan Modul Literasi Awal Terhadap Pencapaian Kemahiran Literasi Awal Bagi Kanak-Kanak Taska”. *GJAT* 11, no. 1 (2021): 62-72.

Kertas Kerja

Aljawharah Alsalamah dan Carol Callinan, “Adaptation of Kirkpatrick’s Four-Level Model of Training Criteria to Evaluate Training Programmes for Head Teachers”. *Educ. Sci.* 11 (2021)

Mohd Faizal Mohd Isa, Wan Shakizah Wan Mohd Noor dan Zulkiflee Daud, “Faktor Jurulatih Mempengaruhi Keberkesanan Latihan: Satu Kajian Empirikal di Jabatan Meteorologi Malaysia”. Makalah Conference on Business Management Research 2013, EDC, Universiti Utara Malaysia, Sintok, (2013)

Shafiyah Iqlima Mohd Nadzri, “Polemik Pencerahan di Malaysia, Perspektif TSIS: Jabatan Kajian Politik Nasional &

Antarabangsa”. *Terengganu Strategic & Integrity Institute*, 15 (2020)

Sharifah Nur Nusrah Syed Yassin dan Suhaili, “Pengurusan Kewangan Keluarga dan Kursus Pra Perkahwinan Muslim di Malaysia”. Seminar Penyelidikan Antarabangsa Pengurusan dan Inovasi, Universiti Kebangsaan Malaysia, (2018)

Zakiyah Jamaluddin dan Ismail Kiprawi, “Ikatan dan Kawalan Ibu Bapa Terhadap Tingkah Laku Delinkuens”. Prosiding Seminar Kebangsaan Isu-Isu Sosial, Jabatan Kerja Sosial Fakulti Pembangunan Sosial dan Manusia, Universiti Utara Malaysia, (2004)

Laman Web

Aqilah Mior Kamarulbaid, “Abai Nafkah Isteri, Anak Punca Cerai”, diakses pada 1 Ogos, 2024, <https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2022/01/abai-nafkah-isteri-anak-punca-cerai/>

Astro Awani, “KPWKM cadang wujudkan kursus pasca perkahwinan”, diakses pada 1 Ogos, 2024, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpwkm-cadang-wujudkan-kursus-pasca-perkahwinan-286518>

Bernama, “Jakim Lancar Modul Pascaperkahwinan Islam, Perkuuh Institusi Kekeluargaan”, diakses pada 1 Ogos, 2024, <https://www.utusanborneo.com.my/2016/03/04/jakim-lancar-modul-pascaperkahwinan-islam-perkuuh-institusi-kekeluargaan>

Bernama, “Masalah Kewangan Punca Kes Cerai Tinggi”, diakses pada 1 Ogos, 2024, <https://www.sinarharian.com.my/article/29843/berita/nasional/masalah-kewangan-punca-kes-cerai-tinggi>

Ercy Gracella Ajos, “Rombak Modul Kursus Praperkahwinan”, diakses pada 1 Ogos, 2024, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/04/1092445/rombak-modul-kursus-praperkahwinan>

- Latifah Arifin, “Pengurusan Komunikasi Lemah Antara Punca Cerai”, diakses pada 1 Ogos, 2024, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/864890/pengurusan-komunikasi-lemah-antara-punca-cerai>
- Noorazura Abdul Rahman, “Kehadiran Orang Ketiga Punca Perceraian Meningkat di Kedah”, diakses pada 1 Ogos, 2024, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1077046/kehadiran-orang-ketiga-punca-perceraian-meningkat-di-kedah>
- Nur Iftitah Rozlan, “Kadar Perceraian Membimbangkan”, diakses pada 1 Ogos, 2024, <https://www.sinarharian.com.my/article/241595/berita/nasional/kadar-perceraian-membimbangkan>
- Rosalinda Md. Said, “Tiada tanggungjawab, Lemah Agama Punca Utama Cerai di Terengganu”, diakses pada 1 Ogos, 2024, <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/03/tiada-tanggungjawab-lemah-agama-punca-utama-cerai-di-terengganu/>
- Tuty Haryanti Ahmad Rodzi, “Selangor, Johor Catat Kes Cerai Paling Tinggi”, diakses pada 6 Mei, 2024, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/03/937674/selangor-johor-catat-kes-cerai-paling-tinggi>
- Universiti Malaysia Kelantan, “Konvensyen Keluarga Sakinah Capai 15 Resolusi Bagi Mendepani Cabaran Dan Isu-Isu Semasa Kekeluargaan”, diakses pada 1 Ogos, 2024, <http://umktv.umk.edu.my/global/353-konvensyen-keluarga-sakinah-capai-15-resolusi-bagi-mendepani-cabaran-dan-isu-isu-semasa-kekeluargaan.html>

Temubual

Norizan Othman (Fasilitator Kursus Modul Bersepadu Pasca Perkahwinan Jabatan Agama Islam Selangor), dalam temubual dengan penulis, 16 Januari 2022.

Tesis

Rosman Md Yusoff, Kassim Thukiman dan Fadilah Ismail,
“Keberkesanan Pelaksanaan Program Modul Keluarga *Sakīnah*
di Negeri Johor” Disertasi Sarjana, Universiti Teknologi Mara,
2011.